

15 JUN 2000
G-15-Anggota

MALAYSIA SOKONG PERMOHONAN IRAN UNTUK MENYERTAI G-15

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 15 Jun (Bernama) -- Malaysia akan menyokong permohonan Iran untuk menjadi anggota Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G-15) yang mengadakan sidang kemuncaknya ke-10 di sini.

Seorang pegawai Malaysia berkata permohonan Teheran dijangka dibincangkan oleh para pegawai kanan G-15 pada mesyuarat esok.

Mesir juga berhasrat supaya negara lain seperti Afrika Selatan dan Arab Saudi menyertai G-15 yang mengadakan sidang kemuncaknya yang pertama di Kuala Lumpur pada 1990.

Walaupun jumlah anggota kumpulan itu sudah melebihi 15 negara, ia mengekalkan nama asal. Kumpulan itu menerima Sri Lanka sebagai anggotanya yang ke-17 dua tahun lalu.

Pegawai itu berkata Malaysia menyokong permohonan Iran kerana selain Teheran menunjukkan minat untuk menyertai kumpulan itu, keanggotaan Iran juga membolehkan perwakilan Asia dalam kumpulan itu lebih kukuh.

Selain Malaysia dan Sri Lanka, dua lagi negara anggota dari Asia ialah Indonesia dan India. Enam negara ialah dari Afrika sementara selebihnya dari Amerika Selatan.

Tujuh ketua kerajaan difahamkan telah mengedahkan kehadiran pada sidang kemuncak itu yang bermula Isnin.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, dijadualkan tiba di sini pada malam Sabtu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sudahpun berada di sini untuk rundingan dengan rakan sejawatannya dari kumpulan itu sebagai persiapan bagi sidang kemuncak berkenaan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dijadual tiba di sini esok bagi mesyuarat G-15. Ini kali kedua Mesir menganjurkan sidang kemuncak G-15 selepas sidang kemuncak 1998.

-- BERNAMA
AZZ FAZ